



PENGISIAN LENGKAP KEMPEN 'SEMPURNA SEADANYA' SEPANJANG SYAWAL
Astro tawar variasi program istimewa di kesemua platform merangkumi rancangan hiburan TV, radio, sukan, kandungan premium & digital, iklan komersial serta promosi bonus ganjaran

PETIKAN KENYATAAN RASMI WAKIL ASTRO



Dato' Khairul Anwar Salleh,
Naib Presiden & Ketua Bahagian Melayu dan Nusantara,
Kumpulan Kandungan Astro

"Menerusi Kempen 'Sempurna Seadanya', Astro menjanjikan penawaran kandungan yang cukup komprehensif sepanjang musim perayaan bagi memberi nilai tambah kepada para pelanggan yang setia menyokong kami selama ini. Selain kepuasan pengalaman menonton, bonus ganjaran juga turut diberikan menerusi program 'Ramadan Raya NJOI', promosi eksklusif program kesetiaan pelanggan menerusi 'Astro Rewards' serta baucar duit raya menerusi program 'Duit Raya Rebate' di Go Shop sebagai tanda penghargaan kami.

Pengisian Syawal bakal disemarakkan dengan himpunan rancangan televisyen terhebat merangkumi program hiburan variasi, muzikal dan komedi, koleksi filem-filem terlaris tempatan dan antarabangsa, drama bersiri terkini, telefilem 'spin-off' menampilkan nama-nama popular tanah air, naskhah-naskhah throwback 'legend' serta program kanak-kanak dan animasi. Para peminat sukan bola sepak pula pastinya tidak akan ketinggalan untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga Eropah (UEFA) dan Liga Juara-Juara UEFA pada minggu terakhir Ramadan.

Bagi peminat naskhah premium, kami turut membawakan filem televisyen (FTV) terbaharu menerusi platform Astro First Eksklusif dan disusuli dengan filem-filem terkini terbitan Astro Shaw yang bakal menemui para penonton di pawagan seluruh Malaysia tidak lama lagi.

Pelbagai program istimewa raya dalam format video digital juga bakal disiarkan secara eksklusif di kesemua platform digital Astro.

Masih mengekalkan tradisi yang dinantikan saban tahun, Astro turut membawakan sebuah lagi kisah menarik menerusi iklan komersial 'Raya Kuasa 7' yang sarat dengan mesej bermakna meskipun diterjemahkan dalam bentuk komedi santai. Uniknyanya, garapan naratif penceritaan kisah kali ini turut menyuntik kesinambungan intipati tema kempen-kempen Astro terdahulu iaitu elemen kemaafan menerusi 'Kosong-Kosong', elemen kebersamaan menerusi 'Meriah Bersama' dan terbaharu elemen kekeluargaan dan hubungan silaturrahim menerusi 'Sempurna Seadanya'.

FAKTA PENTING PENGISIAN UTAMA KEMPEN 'SEMPURNA SEADANYA'

1. Himpunan **lebih 230 buah program televisyen istimewa termasuk 152 buah program baharu** bakal memeriahkan musim perayaan ini di kesemua rangkaian saluran Melayu Astro.
2. Khas buat peminat sukan bola sepak pula, nantikan **perlawanan akhir Liga Eropah (UEFA)** di antara pasukan **Arsenal menentang Chelsea** pada 30 Mei 2019 serta perlawanan akhir **Liga Juara-Juara UEFA** yang menyaksikan pertembungan pasukan **Liverpool menentang Tottenham** pada 2 Jun 2019 yang kebetulan pada minggu terakhir Ramadan.
3. Kandungan premium sempena Aidilfitri untuk langganan menerusi **sebuah [1] filem televisyen (FTV) istimewa di platform Astro First Eksklusif** serta **tiga [3] buah filem terbaharu terbitan Astro Shaw** bakal menemui penonton hujung tahun ini di kesemua pawagam terpilih seluruh Malaysia.
4. Bagi melengkapi kemeriahan Syawal tahun ini, **platform digital** turut disemarakkan menerusi program-program eksklusif seperti **filem pendek, program berbentuk masakan, program realiti serta perkongsian tip-tip yang bermanfaat** menerusi portal hiburan **Gempak, Rojak Daily, Behind The Wheel** serta **Drebar**.
5. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Astro Radio menerusi **ERA, Sinar, GEGAR, ZAYAN** juga bakal mengudarkan program-program menarik khusus buat pendengar setia mereka sepanjang musim perayaan.
6. **Go Shop**, perkhidmatan membeli belah e-dagang Astro tidak ketinggalan membawakan **program istimewa yang dikendalikan oleh barisan selebriti popular tanah air untuk mempromosikan pelbagai produk jualan** yang ditawarkan sempena musim perayaan.
7. Tradisi tahunan kempen hari lebaran Astro diteruskan menerusi penerbitan sebuah lagi **iklan raya komersial** berjudul **'Raya Kuasa 7'** yang padat dengan **mesej kekeluargaan dan hubungan persaudaraan dalam bentuk komedi santai** tetapi penuh bermakna.

8. Untuk memberi **pilihan yang fleksibel**, kesemua pengisian ini turut boleh diakses menerusi **perkhidmatan Astro Go, on demand dan NJOI**.
9. Berita baik buat para pelanggan **NJOI** yang melanggan **Pek Aneka**. **Kredit tambahan bernilai RM10** akan dimasukkan ke dalam akaun sekiranya anda membeli pek tersebut sepanjang tempoh promosi **'Ramadan Raya NJOI'** bermula **14 Mei hingga 14 Jun 2019**. Sila ke **saluran 200** atau layari **njoi.com.my** untuk maklumat lanjut.
10. Bersempena Kempen 'Sempurna Seadanya', program kesetiaan pelanggan menerusi **Astro Rewards** dengan kerjasama **AirAsia** selaku rakan penaja akan menawarkan **harga terendah untuk penerbangan ke 17 buah destinasi menarik di China**.

KANDUNGAN TELEVISYEN MENARIK SEPANJANG SYAWAL

1. Pasangan hos popular **Nabil Ahmad & Neelofa** bakal menemani penonton **pada malam raya tahun ini** (*Aidilfitri dijangka jatuh pada hari Rabu, 5 Jun 2019*) menerusi program **'MeleTOP Raya'** di saluran **Astro Ria & Ria HD** yang menampilkan keluarga selebriti popular tanah air sebagai artis jemputan termasuklah **Dato' Sri Siti Nurhaliza** yang turut diiringi dengan kehadiran **Siti Aafiyah, Ariff Jiwa, Tya Arifin & Asyraf Khalid; Lana Nordin Mckienzie** bersama suami dan kedua cahaya matanya; **Fauziah Latiff, Dato' M Nasir, Ernie Zakri, Syamel, Andi Bernadee, Nabila Razali, Syafiq Farhain** serta ramai lagi.
2. Hiburan tanpa henti pada malam raya turut menghidangkan program **'Sepahtu Reunion Al Raya 2019'** menerusi saluran **Astro Warna & Warna HD** yang menampilkan **Mira Filzah, Atikah Suhaime, Rozita Che Wan & Dato' Jamal Abdillah** selaku selebriti jemputan.
3. Koleksi filem-filem terlaris tempatan dan antarabangsa daripada yang terkini hingga ke retro turut menemani penonton sepanjang Aidilfitri ini seperti **Hantu Kak Limah, Polis Evo 2, Abang Long Fadil 2, Pengabdi Setan, Dukun, Munafik 2, Train To Busan, Midnight Runners, Bad Genius, Mann, Kabhi Khushi Kabhie Gham, Kuch Kuch Hota Hai** serta banyak lagi.
4. Tidak terhenti di situ, pelbagai **program berbentuk 'variety', hiburan dan muzikal** bakal disajikan sepanjang Syawal termasuklah program istimewa **'Gegar Vaganza Raya Muzika'** (Astro Ria), **'Geng Big Stage Beraya'** (Astro Ria), **'Cinta Overhaul Aidilfitri'** (Astro Warna) yang menampilkan **Erra Fazira, Ajak & Shahrol Shiro** serta penampilan istimewa **Dato' Jamal Abdillah** sebagai 'Zack' & Norlia Ghani sebagai 'Azura' dan banyak lagi.
5. Para penonton juga akan dihiburkan dengan pelbagai **program hiburan berunsur komedi** sepanjang musim perayaan ini menerusi saluran Astro Warna & Warna HD seperti **'MLM Raya 2019', 'Sepahtu Reunion Raya Gear 5', 'Arena Panggang Marah-Marah Sayang'** dengan penampilan istimewa **Dato' Aliff Syukri, Datin Shahida, Scha Al Yahya, Awal Ashaari, Ozlynn & Johan**, FTV **'The Hantus'** arahan Nabil Ahmad yang pernah disiarkan untuk langganan di platform Astro First Eksklusif tahun lalu serta banyak lagi.
6. **Drama bersiri terkini** yang menampilkan nama-nama popular tanah air turut menanti antaranya minggu akhir **'Curi-Curi Cinta' (Aiman Hakim Redza & Zahirah Macwilson)**

yang akan jatuh pada minggu kedua Syawal dan disusuli dengan drama terbaharu lakonan **Kamal Adli & Uqasha Senrose** menerusi **'Setelah Lafaznya Akad'**.

7. Manakala **telefilem 'spin-off' terhebat** turut dibariskan seperti **'Cerita Raya Luar Biasa' (Wany Hasrita, Ismail Izzani, Andi Bernadee)** **'Cik Reen Encik Ngok Ngek Raya' (Fikry Ibrahim & Farah Nabilah)**, **'Kan Ku Kejar Cinta Kamu Raya' (Fendy Bakry & Amyra Rosli)**, **'Buku Resipi Mak Esah' (Sherry Al Hadad)**, **'Jihan Spooky Show' (Jihan Muse)** dan banyak lagi.
8. Atas permintaan ramai, **Astro Prima & Prima HD** turut membariskan **koleksi throwback naskhah-naskhah 'legend'** yang pastinya mengundang deraian air mata menerusi judul **'Pondok Buruk 1'**, **'Pondok Buruk 2'**, **'Quran Buruk'**, **'Pondok Plastik Tepi Kubur' & 'Kereta Sorong Nenek'**. Bagi memberi kepuasan menonton yang maksima dengan kualiti yang lebih jelas, telefilem-telefilem ini telah **dinaik taraf dalam format definisi tinggi** untuk **dipertontonkan buat pertama kalinya** pada hari raya kelak.
9. Program istimewa **animasi dan kanak-kanak** juga turut disajikan sepanjang Syawal menerusi saluran Astro Ceria seperti koleksi siri animasi seperti **'Nussa'**, **'Upin Ipin Raya' & 'Omar & Hana'**, telefilem **'Raya Kolumpo' (Nabil Ahmad, Jalil Hamid & Zulin Aziz)** dan pertandingan nyanyian terbaharu **'Ceria Megastar Ministar'** yang menampilkan **Datuk Aznil Nawawi & Zizan Razak** sebagai juri tetap.

KANDUNGAN PREMIUM ASTRO FIRST EKSKLUSIF & FILEM TERBAHARU ASTRO SHAW

1. **Kandungan premium menerusi Astro First Eksklusif (saluran 480)** turut bersama-sama meraikan kedatangan Aidilfitri dengan mempertaruhkan FTV arahan sutradara tersohor **Mamat Khalid** yang mengangkat genre **komedi** berjudul **'17 Puasa'** untuk dilanggan **bermula pada 22 Mei 2019**. Naskah ini merupakan **sekuel kepada '16 Puasa'** yang ditayangkan tahun lalu mengisahkan tentang sekumpulan rakan-rakan sekampung yang ponteng puasa dan sentiasa mencari peluang untuk membeli makanan dan menyorokkannya di dalam plastik hitam.
2. **Astro Shaw** tidak ketinggalan dengan membariskan **tiga naskhah terbaharu** iaitu filem bercorak aksi drama; **'Sangkar' (Ogos 2019)**, filem animasi; **'BoBoiBoy Movie 2' (Ogos 2019)** dan sebuah lagi filem aksi drama terbaharu; **'Wira'** yang bakal ditayangkan pada hujung tahun ini di pawagam seluruh Malaysia.

KANDUNGAN DIGITAL ASTRO SEPANJANG SYAWAL

1. Pengisian digital istimewa untuk tahun ini pula, **Gempak** membawakan sebuah filem pendek berjudul **'Ketupat' (Chew Kin Wah, Fazlina Ahmad Daud & adik Adi Putra)**, sketsa komedi **'Bila Raya Tiba'** yang akan menjawab dilema serta persoalan lazim setiap kali menjelang raya, perkongsian barisan selebriti popular dalam **'Gempak TV Raya'** serta program **'Masak, Makan, Raya!'** menampilkan **Fendi Raja Lawak** menjelajah pasar-pasar untuk mencari bahan terbaik dalam menyediakan sajian tradisi.
2. Sementara itu, **Rojak Daily** akan membawakan **'Showdown'**, sebuah program realiti mencari penyanyi rap terpantas dengan kerjasama Malaysia Book of Records. Manakala

Behind The Wheel dan **Drebar** menawarkan siri editorial '**Tip Pemanduan Raya**' yang bermanfaat.

KANDUNGAN RADIO ASTRO SEPANJANG SYAWAL

1. Seperti tahun-tahun sebelum ini, **Astro Radio** menerusi **ERA, SINAR, GEGAR** dan **ZAYAN** turut tidak ketinggalan untuk menyemarakkan lagi sambutan Aidilfitri dengan mengudarakan program-program menarik sepanjang bulan Syawal selain beberapa acara lapangan bersama penyampai-penyampai radio mereka.
2. Antara program menarik yang bakal ke udara ialah '**Carta Raya Selebriti ERA**', '**ZAYAN Marhaban**' dan '**Raya bersama Selebriti Pantai Timur di GEGAR**'. Para pendengar juga berpeluang untuk menyampaikan ucapan Aidilfitri menerusi **HITZ, MIX** dan **LITE**.
3. Peminat-peminat juga boleh mengambil bahagian dalam acara lapangan seperti '**Rumah Terbuka ERA**', '**Redah Raya SINAR**' dan '**Bro Buskers Raya ZAYAN**'. Untuk maklumat lanjut, layari portal rasmi dan akaun media sosial jenama masing-masing.

KANDUNGAN GO SHOP SEPANJANG SYAWAL

1. Sempena musim perayaan, Go Shop bakal membawakan program istimewa '**Celebs with Joy**' yang dihoskan oleh selebriti-selebriti terkenal seperti **Sherry Alhadad, Chef Wan dan Adibah Noor** untuk mempromosikan produk jualan Go Shop seperti produk kecantikan, fesyen, perkakasan rumah, peralatan dapur dan produk gaya hidup Muslim.
2. Go Shop juga menyediakan pemberian baucar Duit Raya menerusi kempen '**Duit Raya Rebate**' sehingga 31 Mei ini yang mana para pelanggan boleh menebus baucar segera Duit Raya bernilai RM15 melalui laman rasmi dan aplikasi mudah alih Go Shop apabila mereka membeli produk menerusi rancangan siaran langsung Go Shop yang terpilih di saluran 118 dan 120. Untuk maklumat lanjut layari www.goshop.com.my atau muat turun aplikasi Go Shop.

FAKTA MENARIK TENTANG IKLAN 'RAYA KUASA 7' ASTRO

1. Iklan komersial '**Raya Kuasa 7**' yang mengangkat **genre komedi santai** ini mengisahkan tentang keluarga Apai yang mana setiap ahli keluarga mereka yang terdiri daripada tujuh orang sering berlumba-lumba menunjukkan kehebatan masing-masing apabila berkumpul bersama setiap kali menyambut Aidilfitri. Namun, kehilangan salah seorang daripada mereka menyatukan kembali keluarga Apai dan membuatkan mereka sedar bahawa mereka sempurna seadanya bila kesemua ahli keluarga kumpul bersama.
2. Kisah '**Raya Kuasa 7**' diarahkan oleh sutradara **Derrik Yaw** daripada produksi **Graph Studios**. Pemilihan beliau adalah berdasarkan pengalamannya mengarahkan pelbagai iklan komersial sebelum ini serta mempunyai citarasa seni yang kreatif dan gaya penceritaan yang bersesuaian dengan tema '**Sempurna Seadanya**'. Manakala audio pula dikarang sepenuhnya oleh **Fuse Studio**.

3. Menarik lagi, dua karekter utama yang pernah menerajui kempen raya Astro sebelum ini iaitu watak **Tok Wan** dan **Wak Nik** dibawa kembali sebagai antara tonggak utama yang menjayakan iklan 'Raya Kuasa 7'.
4. **Lokasi utama** penggambaran 'Raya Kuasa 7' telah dijalankan di **Kampung Endah, Banting** serta **mengambil masa selama dua hari** untuk diselesaikan.
5. Antara **cabaran utama** yang dihadapi sepanjang penggambaran iklan ini termasuklah keadaan **cuaca yang panas terik**, **pemilihan pelakon yang sesuai** untuk menjiwai setiap watak dengan berkesan, **penghasilan skor muzik yang berbeza-beza** berdasarkan karekter tujuh tonggak utama, **penghasilan prop & penyediaan busana** unik untuk menghidupkan keseluruhan jalan cerita serta memastikan **keseimbangan hiburan dan mesej tersirat** agar relevan kepada penonton.
6. Lebih membanggakan, penghasilan iklan komersial 'Raya Kuasa 7' juga turut mendapat kepercayaan dan sokongan rakan-rakan penaja korporat iaitu **Maxis, AirAsia** dan **Kate Tokyo** yang berbesar hati untuk menjayakan penerbitan ini. Lima watak utama iaitu '**Tok Man Vintage**', '**Kak Ling Bling**', '**Kak Mek Gyver**', '**Kak Su Sedondon**' dan '**Apai**' telah ditaja sepenuhnya oleh **Maxis**. Watak '**Wak Nik**' pula ditaja oleh **AirAsia**. Manakala watak '**Anis Lembughini**' telah ditaja oleh **Kate Tokyo**.

PROGRAM ASTRO REWARDS SEMPENA KEMPEN 'SEMPURNA SEADANYA'

1. **Astro Rewards** merupakan sebuah **program kesetiaan pelanggan** yang menawarkan **ganjaran dan promosi eksklusif kepada para pelanggan tanpa perlu mengumpul mata** untuk menebus tawaran-tawaran yang ada. Untuk maklumat lanjut, layari www.astro.com.my/rewards
2. Bagi merencanakan Kempen 'Sempurna Seadanya', Astro Rewards dengan kerjasama AirAsia akan menawarkan harga istimewa terendah untuk penerbangan ke 17 buah destinasi menarik di China kepada para pelanggan Astro. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada pelan pemasaran untuk mempromosikan destinasi-destinasi Muslim di sana.
3. Tempoh masa untuk menempah tiket adalah bermula 25 Mei sehingga 15 Jun 2019 untuk tarikh penerbangan dari 1 November 2019 sehingga 2 Jun 2020.
4. Sebagai bonus, para tetamu jemputan yang hadir ke Majlis Tayangan Perdana Program Raya Astro 2019 juga berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah yang menarik menerusi **segmen cabutan bertuah**. Antara hadiah menarik yang ditawarkan termasuklah:
 - 2 tiket penerbangan ke **Tianjin** berserta dengan katil rata premium
 - 2 tiket penerbangan ke **Xi'an** (tidak termasuk cukai, bayaran bagasi serta makanan)
 - 2 tiket penerbangan ke **Lanzhou** (tidak termasuk cukai, bayaran bagasi & makanan)
 - 2 tiket penerbangan ke **Kunming** (tidak termasuk cukai, bayaran bagasi & makanan)
 - 2 tiket penerbangan ke **Guilin** (tidak termasuk cukai, bayaran bagasi & makanan)